



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 4 MAC 2020

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa sehingga 12 tengah hari 4 Mac 2020, terdapat **14 kes baharu** yang telah dilaporkan.

Sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini, **gelombang pertama** jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia yang merangkumi **22 kes positif COVID-19 (iaitu kes pertama sehingga kes ke-22)** telah sihat dan discaj.

Setelah 11 hari tiada kes baharu dilaporkan, **gelombang kedua** bermula pada 27 Februari 2020. Bagi gelombang kedua sehingga 4 Mac 2020, terdapat sebanyak 28 kes positif COVID-19 (iaitu kes ke-23 sehingga kes ke-50) yang telah dilaporkan.

Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah **sebanyak 50 kes**.

#### KLUSTER COVID-19

Bagi gelombang kedua ini, terdapat satu (1) kluster COVID-19 yang telah dikenal pasti. Kluster ini melibatkan kes positif ke-26. Berdasarkan siasatan dan pengesanan kontak yang telah dijalankan sehingga kini, terdapat 215 kontak rapat yang dikesan. Daripada jumlah kontak rapat tersebut, 16 kes dikesan positif COVID-19, 19 adalah negatif dan 180 menunggu keputusan.

Didapati lima (5) kes merupakan kontak rapat kepada beberapa kes positif dikalangan 16 kes tersebut (kontak rapat kes ke-26).

Ini menjadikan jumlah kes positif bagi kluster ini adalah sebanyak 21 kes (iaitu kes ke-30 sehingga kes ke-50).

Berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi, kes positif ke-26 telah menghadiri beberapa aktiviti. Daripada 16 kes positif yang dikesan, didapati:

- i. satu (1) kes merupakan pegawai kepada kes ke-26;
- ii. 15 kes telah menghadiri aktiviti bersama kes ke-26, di mana beberapa daripada mereka telah menghadiri lebih daripada satu (1) aktiviti bersama kes ke-26;

Aktiviti-aktiviti yang dihadiri bersama adalah seperti berikut:

- i. Bagi aktiviti pertama, seramai lapan (8) kontak rapat telah menghadiri aktiviti tersebut. Enam (6) daripada jumlah tersebut dikesan positif. Manakala dua (2) adalah negatif.
- ii. Bagi aktiviti kedua, seramai 10 kontak rapat telah menghadiri aktiviti tersebut. Empat (4) daripada jumlah tersebut dikesan positif, dua (2) negatif dan empat (4) menunggu keputusan.
- iii. Bagi aktiviti ketiga, seramai 15 kontak rapat telah menghadiri aktiviti tersebut. Sepuluh (10) daripada jumlah tersebut dikesan positif, empat (4) negatif dan satu (1) menunggu keputusan.
- iv. Bagi aktiviti keempat, seramai 21 kontak rapat telah menghadiri aktiviti tersebut. Seorang (1) daripada jumlah tersebut dikesan positif, 11 negatif dan sembilan (9) menunggu keputusan.
- v. Bagi aktiviti kelima melibatkan tujuh (7) kontak rapat dan seorang (1) dikesan positif. Manakala, enam (6) adalah negatif.

KKM ingin memaklumkan bahawa siasatan mengenai kluster ini masih diteruskan. Sehubungan itu, KKM berharap semua pihak dapat bertenang dan sentiasa bekerjasama dengan memberi maklumat yang tepat apabila dihubungi atau dikenal pasti sebagai kontak rapat. KKM juga ingin menasihatkan kepada organisasi yang telah dikesan kes positif agar tidak perlu membuat penutupan pejabat, namun memadai menjalankan disinfeksi. Pada masa yang sama, semua pihak diminta tidak menularkan sebarang maklumat yang boleh menyebabkan kebimbangan kepada orang awam.

### **KOLOBORASI DENGAN VIRTUAL HEALTH ADVISORY (DOCTORONCALL) DAN BOOKDOC**

KKM ingin memaklumkan sekiranya terdapat pertanyaan atau keraguan mengenai kejadian COVID-19, orang awam boleh melayari [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my) (Tanya Doktor) untuk mendapatkan nasihat daripada pakar perubatan keluarga untuk tindakan seterusnya.

Sekiranya terdapat sejarah perjalanan, orang awam dipohon untuk tidak terus pergi ke fasiliti kerajaan. Namun, disarankan agar mendapatkan nasihat kesihatan terlebih dahulu melalui *virtual health advisory* atau *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) hotline*. Orang awam boleh akses kepada perkhidmatan ini seperti berikut:

- i. *virtual health advisory* adalah dari 8.30 pagi hingga 5.00 petang setiap hari (Isnin hingga Ahad) dan diberikan secara percuma.
- ii. *CPRC hotline*.

Selepas jam 5.00 petang, perkhidmatan nasihat kesihatan boleh diakses dari sumber berikut yang dikendalikan oleh syarikat swasta:

- i. *DoctorOnCall* beroperasi daripada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari (Isnin hingga Ahad)  
(<https://www.doctoroncall.com.my/coronavirus>)
- ii. *BookDoc* beroperasi 24 jam setiap hari ([www.bookdoc.com](http://www.bookdoc.com))

Sila rujuk laman sesawang *DoctorOnCall* dan *BookDoc* untuk kadar bayaran yang dikenakan.

KKM dengan kolaborasi pihak swasta akan menjalankan perkhidmatan pengambilan sampel COVID-19 di rumah orang awam yang ingin menjalankan ujian pengesanan COVID-19 di mana caj akan dikenakan oleh pihak swasta tersebut. Pengumuman rasmi mengenai perkara ini akan menyusul dalam masa terdekat.

KKM ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua warga kerja KKM di semua peringkat seluruh Malaysia yang bertungkus lumus dalam menangani jangkitan COVID-19 di Malaysia. KKM juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menangani kejadian ini.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

4 Mac 2020 @ 4 petang